

Spesies habitat sungai terancam

RCOMM usaha sebarkan mesej kesedaran penjagaan alam sekitar

HULU YAM - Peralihan habitat semula jadi selain kekurangan spesies hidupan di dalam sungai mampu menjadi pengukur kepada tahap kualiti air.

Presiden Komuniti Kitar Semula (RCOMM), Mohamad Budin berkata, mengambil contoh hidupan air di Sungai Liam di sini, kebanyakan habitat semula jadinya terganggu dan spesies hidupan sungai sudah berkurangan.

Menurutnya, situasi itu menunjukkan hidupan sungai yang asalnya mendiami sungai berkenaan sudah beralih kerana air yang tercemar.

"Kajian secara kasar yang kita lakukan di sungai ini bersama remaja dan kanak-kanak di sekitar kawasan ini mendapati fenomena tersebut berlaku.

"Kita cuba mendapatkan spesies hidupan sungai



■ MOHAMAD

di sini, tetapi malangnya yang tinggal hanya hidupan agresif dan bukan habitat asal di sungai," katanya ketika ditemui pada sambutan Hari Air Sedunia di sini semalam.

Mohamad berkata, keadaan itu menunjukkan hidupan asal di Sungai Liam telah berhijrah ke tempat lain.

Menurutnya, fenomena peralihan itu didorong gangguan ekosistem dan tahap pencemaran air sun-



■ WAN NOORUL HAFILAH

gai di kawasan tersebut.

Justeru, beliau menggerakkan Rcomm bersama jabatan lain dalam usaha menyebarkan mesej dan kesedaran berterusan dalam kalangan masyarakat.

Pada sambutan tersebut, Rcomm bekerjasama dengan Jabatan Perairan dan Saliran (JPS), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).



■ Mohamad (tiga, kanan) menyampaikan cenderahati kepada kanak-kanak Tadika Krista, Hulu Yam yang terlibat pada sambutan Hari Air Sedunia sambil disaksikan Wan Noorul Hafilah (empat, kanan).

Hadir sama, Penolong Pengarah Bahagian Sungai JPS yang juga Ketua Fasilitas River Ranger JPS Selangor, Wan Noorul Hafilah Wan Ariffin dan wakil Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Kamal Rusdi.

Program tersebut melibatkan kanak-kanak pra se-

kolah, pelajar sekolah rendah dan menengah serta penyertaan sulung 45 pelajar daripada Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu.

Sementara itu, Mohamad berkata, sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Rcomm mengam-

bil inisiatif menyeluruh dan tidak hanya tertumpu pada program kitar semula.

"Justeru, Rcomm akan terus mempertingkatkan usaha membentuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan alam sekitar dan kitar semula," katanya kepada Sinar Harian.